



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 Dec2021 (Wednesday)

Berita Harian

Tingkat kesukarelawan sebagai kerjaya	1
PKNS yakin Rafflesia 2 dapat sambutan	2

Utusan Malaysia

Peniaga Melayu tiada tempat di Mahkota Sentral?	3
Kampung Melayu Bukit Tarek masih disiasat	4
PKNS lancar Rafflesia 2 di Bernam Jaya	5

Harian Metro

Komited bantu OKP bebas dadah	6
Selangor beri 157,000 dos penggalak percuma	7

Kosmo

Lupus e-sisa secara lestari jaga alam	8
---------------------------------------	---

Sinar Harian

157,000 dos penggalak diberi secara percuma	9
Isu rumah di Hutan Simpan Bukit Tarek dalam penelitian	10

Astro Awani

Dos Penggalak Diberi Percuma Di Klinik Selcare Mulai Esok	11
---	----

Bernamea Radio 24

Dos Penggalak Vaksin Covid-19	12
Persidangan Dun Selangor Ini Diberitahu Seramai 55 Pelajar Di Negeri Itu	13

Era FM

Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun	14
Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun	15

Nasional FM (87.7)

Selangor Laksana Pemberian 157,000 Dos Penggalak Secara Percuma Mulai Rabu	16
--	----

The Star

COUNCIL MATTERS	17
All set for 'polluter pays' principle	18
Idle, reserve land to be farmed to address food security	19
Hybrid book fair offers 200,000 local, foreign titles	20
Over 50 S'gor students left orphaned due to Covid-19	21
Plea to reopen Broga Hill being mulled	22
Free Sinovac booster jabs for Selangor residents starting today	23

BFM89.9

COVID-19: Selangor to Give 157,000 Vaccine Booster Shots for Free From Dec 8	24
--	----

Hitz FM

Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun	25
---	----

Mix FM



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun	26
Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun	27
Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun	28
The Edge CEO Morning Brief	
Covid-19: Selangor to give 157,000 vaccine booster shots for free from Dec 8	29
SIME DARBY PROPERTY DETERMINED TO BE A FORCE FOR GOOD	30
Traxx FM (90.3)	
Booster Shots Will Be Given Free Tomorrow On Selvax Programmes	31
China Press	
Selangor MB: Selangor use Sinovac inventory to launch booster shots programme	32
Selangor royal family strictly select title recipients, only given title to 87 people on Sultan birthday	33
Sin Chew Daily	
Sultan of Selangor, on his 76th birthday, honours 86 people	34
Ng Sze Han: Ministry of Finance leaves it to the state licensing board to decide, but	35
Selangor won't implement liquor licensing requirement to sell liquor	
Izham: It is imperative to improve the water quality of the Klang River in order to reduce the cost of purification	36
Nanyang Siang Pau	
Selangor government has 157,000 doses of Sinovac booster shots for people to vaccinate for free	37
The bidding work has accessed the review stage, it is expected that the construction of the Sungai Rasa water filter station will start operation next year.	38
Guang Ming Daily	
Selangor free booster dose starts from today ; provide 157 thousand Sinovac	39
Speed up the approval of land development ; Minister: Introduce the 100-day approval policy	40
Unidentified vehicles frequently occupy parking spaces ; Bandar Mahkota Cheras curb as soon as possible	41



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tingkat kesukarelawanan sebagai kerjaya
Muka Surat	:	11

Tingkat kesukarelawanan sebagai kerjaya



Felo Penyelidik
 Majlis Belia Malaysia
 (MBM)

Olee Muhamad Hanapi Jamaludin
 bhrencana@bh.com.my

Kita baru menyambut Hari Sukarelawan Antarabangsa Ahad lalu. Ia tekad menjadikan sektor kesukarelawanan sebagai agenda global yang bukan lagi alternatif, bahkan arus perdana dikumandangkan badan dunia sejak 2001 lagi.

Majlis Belia Malaysia (MBM) pada zaman Datuk Saifuddin Abdullah sebagai presiden ketika itu, menyambut saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjadikan 2001 sebagai Tahun Sukarelawan Antarabangsa.

Antara inisiatif MBM, penubuhan Forum Kesukarelaan Kebangsaan Malaysia serta penganjuran Konvensyen Pembangunan Belia dan Kesukarelaan. Banyak negara memanfaatkan sektor ketiga yang kesukarelawanan untuk menyelamatkan lebih banyak khazanah negara daripada mengalir kepada taikun industri yang kitarannya mungkin berlegar dalam kelompok kecil.

Contohnya, kegiatan kesukarelawanan di United Kingdom (UK) bernilai hingga £40 bilion (RM225 bilion) setahun, menjadikannya penyumbang ketiga kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sekali gus menyelamatkan peruntukan kerajaan un-

tuk dimanfaatkan kepada rakyat benar-benar memerlukan.

Kajian Eurobarometer pada 2006 menganggarkan 140 juta sukarelawan sepenuh masa seluruh dunia menyumbangkan AS\$400 bilion (RM1.7 trilion), iaitu 7 peratus daripada KDNK dunia.

Ini termasuk pekerja sepenuh masa dalam bidang terbabit yang jumlahnya sama ramai dengan negara berpenduduk kesembilan tertinggi di dunia, sekali gus menjadikan kegiatan itu tidak boleh dipandang ringan.

Hakikatnya, dalam masyarakat Melayu, tradisi sukarelawan antara lain dicerminkan konsep gotong-royong dihidupkan dengan sendi keharmonian masyarakat penyayang dan prihatin, misalnya membantu kerja kenduri-kendara, turun menyemai dan menuai di sawah, menguruskan orang sakit dan kematian serta memindahkan rumah.

Pada era moden, kesukarelawanan berlandaskan idealisme altruisme yang menjadi dorongan tampil menyumbang bakti dalam isu kemanusiaan. Sukarelawan ini memiliki kesedaran nurani baik.

Satu kajian termuat dalam tulisan Saifuddin juga mencatatkan 50 peratus sukarelawan Brazil menyertai kerja itu kerana berasa bahagia apabila membantu orang lain; bertanggungjawab membantu golongan kurang bernasib baik (38 peratus) dan faktor agama atau pengajian (31 peratus).

Di Perancis pula, 19 peratus golongan dewasa ter-

babit dalam kerja sukarela, manakala 60 peratus daripadanya menyumbangkan 20 jam atau lebih setiap bulan. Begitu juga di Jerman, seorang daripada setiap tiga orang dewasa terbabit dalam kerja sukarela pada purata 15 jam sebulan melalui pelbagai organisasi, inisiatif, projek dan kumpulan.

Lebih 26 peratus daripada orang dewasa Jepun dikaji menyatakan mereka sedang atau pernah terbabit sebagai sukarelawan, manakala 48 peratus terbabit kerana ia berguna dan menimba pengalaman (33 peratus).

Atas semangat ini juga, MBM menggerakkan Konvensyen Relawan Untuk Malaysia dianjurkan Universiti Selangor (UNISEL) dengan kerjasama Alumni Parlimen Belia Malaysia dan beberapa praresolusi dicadangkan sebagai matlamat jangka panjang untuk memprofesionalkan budaya kesukarelawanan.

Ini termasuk mewujudkan Akta Kesukarelawan supaya bidang itu dapat diangkat sebagai komoditi baharu dan pendekatan kuasa lunak (soft power) kepada negara, selain memprofesionalkan pekerja sukarelawan melalui pensijilan khas badan profesional.

Juga penubuhan Suruhanjaya Kesukarelawan bagi memastikan dipayungi agensi kerajaan bertauliah dan mewujudkan latihan kesukarelawan di institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi untuk membekalkan lebih ramai penggerak baharu dapat membangunkan 'Industri Kesukarelawan Malaysia.'



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PKNS yakin Rafflesia 2 dapat sambutan
Muka Surat	:	38

PKNS yakin Rafflesia 2 dapat sambutan

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjangkakan projek Rafflesia 2 di Bernam Jaya, Selangor akan mendapat sambutan menggalakkan daripada pembeli kerana ditawarkan pada harga bermula RM457,000.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas, berkata Rafflesia 2 merangkumi 87 unit rumah teres dua tingkat dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM37 juta.

Katanya, seperti Rafflesia yang dilancarkan pada Julai tahun lalu, projek terbaru itu juga mempunyai akses perhubungan yang mudah, memberikan pilihan kepada pembeli yang bekerja di Kuala Lumpur memiliki kediaman.

"Kawasan Bandar Bernam Jaya masih mempunyai kehijauan alam dan aktiviti beriadah, tidak jauh dari ibu kota.

"Sudah tentu, pembeli yang bekerja di Kuala Lumpur inginkan kediaman yang tenang.

"Rafflesia 2 menawarkan ketenangan yang diperlukan ramai pembeli," katanya selepas pelan-



Mahmud (tengah) pada pelancaran Rafflesia 2 di Bangunan Ibu Pejabat PKNS, Shah Alam.
 (Foto Faiz Anuar/BH)

caran projek itu di Shah Alam, semalam.

Mahmud berkata, seiring dengan mandat agensi itu menyediakan kediaman kepada rakyat Selangor, PKNS turut menawarkan yuran guaman dan duti setem percuma, selain diskaun 10 peratus bagi pembelian projek PKNS pertama dan tambahan dua peratus untuk pembeli

sedia ada.

Beliau berkata, sempena pelancaran Rafflesia 2 juga, PKNS mengadakan cabutan bertuah untuk 24 pemenang dengan hadiah keseluruhan bernilai RM80,000 termasuk hadiah utama wang tunai, RM20,000.

PKNS juga, katanya memberikan lebih banyak galakan termasuk memperkenalkan Program

Rujukan kepada 10 pembeli pertama yang akan menerima insentif RM1,000 bagi setiap pelanggan baharu diperkenalkan.

Sementara itu, Mahmud berkata, pasaran hartanah, terutama kediaman mampu milik akan kembali pulih pada masa terdekat selepas berhadapan pelbagai gangguan disebabkan COVID-19.

Beliau berkata, unjuran itu berdasarkan trend pembelian semasa apabila pembeli lebih menumpukan belian hartanah kediaman mampu milik di bawah RM500,000 yang mempunyai akses perhubungan dan kemudahan nilai tambah yang lain.

"Projek hartanah PKNS dengan harga mampu milik seperti Rafflesia yang dilancarkan Julai 2020 sebanyak 105 unit rumah teres dua tingkat habis terjual sepenuhnya.

"Ini menunjukkan pembeli inginkan kediaman yang bukan hanya menawarkan harga berpatutan, tetapi mempunyai elemen lain seperti akses perhubungan, lokasi, tawaran istimewa serta kemudahan beraktiviti," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Peniaga Melayu tiada tempat di Mahkota Sentral?
Muka Surat	:	19



MEDAN selera di Pasar Mahkota Sentral dimonopoli sekali gus menutup sumber rezeki peniaga kaum lain.

Peniaga Melayu tiada tempat di Mahkota Sentral?

SAUDARA PENGARANG,

JIKA ke Pasar Mahkota Sentral di Bandar Mahkota Cheras, Selangor, pasti merasakan seperti berada di China apabila perniagaan di sana dimonopoli oleh kaum tertentu sahaja.

Begitu juga ruang medan selera yang terletak di dalam bangunan tersebut yang diusahakan oleh tiada Melayu.

Sebelum ini beberapa peniaga Melayu bertanyakan peluang untuk berniaga di sana, namun perlu terikat dengan peraturan yang tidak membenarkan peniaga menjual minuman kerana sudah ada gerai menjual minuman secara berpusat.

Sebagai orang Islam, kita sentiasa peka tentang usul halal dan haram. Mustahillah pembeli membeli makanan di gerai Muslim tetapi terpaksa pula membeli minuman di gerai bukan Melayu yang belum pasti status halal.

Disebabkan syarat sebegitu, ramai bakal peniaga tidak bersetuju untuk berniaga di Pasar Mahkota Sentral. Ini menyebabkan sektor perniagaan di sana dimonopoli oleh satu kaum sahaja.

Setahu saya, pengurusan pasar berkenaan di bawah Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ). Namun, tidakkah pihak berkuasa tempatan (PBT) itu berasa pelik dengan ketidakseimbangan peniaga antara kaum? Mengapa mereka berdiam diri dan bersikap tidak adil kepada peniaga Melayu?

Hal sama berlaku di pasar pagi di situ. Bukan Melayu merupakan peniaga terbesar. Kasihanilah kaum lain yang juga mahu mencari nafkah dan mengembangkan ekonomi keluarga.

Apa salahnya kita berkongsi ruang perniagaan untuk sama-sama maju? Mengapa perlu ada penindasan terhadap peniaga Melayu sedangkan pasaran untuk masyarakat Melayu/Islam itu ada, cuma 'disorokkan' oleh golongan tertentu.

Saya berharap PBT dapat lakukan sesuatu dengan membolehkan peniaga Melayu diberi peluang yang saksama untuk berniaga dan memajukan ekonomi mereka.

PENIAGA YANG TERANIAYA
 Bandar Mahkota Cheras, Selangor



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kampung Melayu Bukit Tarek masih disiasat
Muka Surat	:	29

Kampung Melayu Bukit Tarek masih disiasat

SHAHALAM: Isu kemudahan asas dan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik dan jalan di Kampung Melayu Bukit Tarek di Hulu Selangor masih dalam peringkat penyelesaian apabila beberapa agensi kerajaan sedang melakukan siasatan terhadap masalah berkenaan.

Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berkata, isu berkenaan turut berada dalam penelitian lanjut Jabatan Perhutanan Selangor.


"Hal ini memerlukan semakan bersama pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) Selangor serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) terlibat. Kawasan kampung yang dimaksudkan dalam perkara ini ialah Kampung Muhibbah (Kampung Melayu Bukit Tarek)," kata beliau menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Bangunan SUK semalam.

Dalam pada itu, Loy Sian memaklumkan perkampungan tersebut dibina di atas tanah pertanian yang digazetkan pada 2004 selepas penyahwartaan Hutan Simpan Bukit Tarek diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-9 pada tahun sama.

"Semakan kini, 227 plot telah didaftarkan dan hanya sebanyak 33 plot terdapat bangunan kekal atau separa kekal.

"Keluasan 259.434 hektar meliputi 228 plot pertanian. Merujuk kepada Kertas Ringkasan MMKN Ke-9/2004 tersebut, kawasan Kampung Muhibbah ini Tanah Simpanan Hutan yang telah dibatalkan WKNS 535-4," jelasnya.



MASALAH tiada kemudahan asas yang dilalui penghuni di Kampung Melayu Bukit Tarek di Hulu Selangor masih dalam siasatan beberapa agensi kerajaan Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	PKNS lancar Rafflesia 2 di Bernam Jaya
Muka Surat	:	34

PKNS lancar Rafflesia 2 di Bernam Jaya

PETALING JAYA: Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melancarkan projek terbaharu, Rafflesia 2, iaitu rumah teres dua tingkat merangkumi 87 unit di bandar Bernam Jaya, Selangor, dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM37 juta.

Rafflesia 2 akan menjadi kediaman sempurna untuk mereka yang baru berkeluarga dan individu berkerjaya.

Ia terdiri daripada tiga jenis susun atur, dengan ukuran binaan bermula daripada 1,615 kps dan dijual pada harga bermula daripada RM411,300 se-unit.

Terletak di lokasi strategik, Rafflesia dihubungkan melalui dua jalan utama iaitu Jalan Persekutuan Kuala Lumpur-Ipoh serta Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), selain turut diked-

ilingi oleh pelbagai kemudahan awam seperti masjid, sekolah, universiti dan balai polis.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas yakin, projek ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan kerana ia berada di lokasi yang sangat strategik selain pakej jualan yang menarik.

“Bakal pembeli akan menikmati yuran guaman dan duti setem MOT secara percuma, selain diskaun 10 peratus bagi pembelian projek PKNS pertama dan tambahan dua peratus lagi untuk pembeli sedia ada.

“Saya yakin, Rafflesia 2 berupaya menonjolkan kemampuan PKNS dalam memberikan peluang kepada pembeli rumah pertama untuk memiliki kediaman menarik dan kualiti binaan yang baik,” katanya.



MAJLIS pelancaran projek perumahan Rafflesia 2 Bernam Jaya, semalam.



KERATAN AKHBAR

8 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Komited bantu OKP bebas dadah
Muka Surat	:	2



ANTARA penagih dadah sekitar Klang yang ditahan pihak AADK untuk dibantu.

Komited bantu OKP bebas dadah

Klang: Usaha tanpa kenal lelah. Dedikasi itu dibuktikan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang terus memberikan perhatian terhadap 500 bekas penagih atau orang kena pengawasan (OKP) di Selangor bagi memastikan mereka pulih sepenuhnya.

Golongan penagih dadah itu yang diletakkan di bawah pengawasan AADK dipastikan menjalani kehidupan baik dan benar-benar meninggalkan dadah.

Pengarah AADK Selangor, Nazir Mohamad berkata, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Selangor (MUIS) dan agensi berkaitan lain menyantuni golongan ini menerusi pelbagai usaha termasuk prog-

ram Ziarah Ihsan. Menurutnya, AADK tanpa putus asa memperhalusi setiap masalah yang dihadapi bukan sahaja penagih malah kebajikan keluarga golongan ini dari pelbagai sudut.

"Kira-kira 500 OKP yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jadi kita buat Ziarah Ihsan apabila kita ke rumah OKP untuk bantu mereka dan keluarga mereka termasuk bantuan keperluan asas dikumpulkan dari pelbagai pihak.

"Kami juga mendapati, mereka yang terbahit dalam masalah penagihan ini kebanyakan terkebelakang berbanding orang lain kerana mereka tidak tahu hendak minta bantuan daripada siapa?"

"Mereka tidak tahu agensi

mana boleh bantu keluarga mereka, hendak rujuk siapa malah ada dalam kalangan mereka tidak tahu macam mana hendak menguruskan pendaftaran anak masuk sekolah darjah satu," katanya ketika ditemui Program Ziarah Prihatin dan Majlis Perasmian Papan Tanda bagi Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) di Flat Sri Perantau di sini.

Nazir berkata, melihat kepada isu itu, pihaknya melaksanakan advokasi dan membantu semua OKP yang terkesan ini.

"Ada di antara mereka tidak tahu peluang yang ada, contohnya dia layak bantuan tetapi tidak tahu di mana hendak mohon. Jadi peranan kami menyalurkan mereka kepada agensi berkaitan, agensi itu akan bantu.

"Kita bantu mereka supaya apa sahaja masalah di belakng mereka kita tangani. Maksudnya pendekatan kita ini lebih kepada keperluan ke-

manusiaan setiap OKP yang memerlukan bantuan juga keperluan asas mereka," katanya.

Mengulas lanjut katanya, selain OKP yang terkesan akibat pandemik Covid-19, pihaknya juga sentiasa mengadakan lawatan ke rumah OKP seluruh Selangor bersama komuniti setempat.

Menurutnya, jumlah terkini OKP di seluruh Selangor adalah 4,920 sehingga akhir September lalu.

"Di Selangor, kadar pemulihan sudah mencapai 75 peratus daripada 4,920 OKP kekal pulih dalam tempoh dua tahun pengawasan," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah 4,920 itu golongan beliau adalah tertinggi terbahit dalam penagihan dadah di Selangor iaitu 3,393 yang berumur 19 hingga 39 tahun.

Katanya, seramai 1,485 OKP berumur lebih 40 tahun manakala 42 OKP berumur 13 tahun hingga 18 tahun.



KERATAN AKHBAR

8 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor beri 157,000 dos penggalak percuma
Muka Surat	:	8



AMIRUDIN (kiri) menyampaikan sumbangan Alat Peranti dan Perkakasan Sokongan Covid-19 kepada wakil JKNS, semalam.

Selangor beri 157,000 dos penggalak percuma

Shah Alam: Kerajaan Selangor melaksanakan pemberian 157,000 dos penggalak secara percuma di bawah Program Vaksin Selangor (SelVax) bermula hari ini, menerusi Program SelVax Booster.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, penduduk di Selangor berumur 18 tahun ke atas yang menerima dua dos vaksin boleh mendapatkan dos penggalak jenis Sinovac *walk-in* ke klinik Selcare berhampiran.

Katanya, senarai klinik Selcare bagi program ini boleh didapati di laman sesawang <https://selcareclinic.com/our-clinic/> atau melalui aplikasi SELangkah, malah orang ramai juga digalakkan mendaftar terlebih dahulu di laman sesawang berkenaan.

“Semua maklumat penerimaan vaksinasi dos penggalak melalui program ini dihantar oleh klinik terbabit melalui aplikasi MySejahtera.

“Program SelVax Booster turut dilaksanakan di beberapa lokaliti (*on-site*) tertentu berdasarkan permintaan Ahli Dewan Negeri seluruh Selangor.

“Maklumat program SelVax Booster di kawasan Dun diumumkan dalam masa terdekat selepas kerajaan negeri memperincikan prosedur standard operasi (SOP),” katanya pada Majlis Gimik Penyerahan Sumbangan Alat Peranti dan Perkakasan Sokongan kepada Covid-19 Assessment Centre (CAC) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), di Foyer SUK di sini, semalam.

Sementara itu, kata, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) meluluskan RM10.7 juta peruntukan bagi melaksanakan Program Pengurusan Covid-19 Assessment Centre (CAC) dan Pemantauan Pesakit Yang Menjalani Kuarantin Kendiri Melalui Aplikasi SELangkah ke seluruh Selangor.



KERATAN AKHBAR
8 December 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lupus e-sisa secara lestari jaga alam
Muka Surat	:	30

Lupus e-sisa secara lestari jaga alam

Oleh FARID AHMAD TARMJI

SEJAK sekian lama, barangan elektrik dan elektronik menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia dengan memudahkan urusan harian. Begitupun, jika tidak diuruskan dengan baik apabila rosak, ia memberi kesan tidak baik kepada alam sekitar jika dibuang begitu sahaja.

Pembuangan barangan elektrik dan elektronik dikenali sebagai e-sisa. Penghasilan barangan tersebut yang meningkat saban tahun sebenarnya menambah lagi e-sisa yang dibuang di seluruh dunia.

Berdasarkan data daripada Kawalan E-Sisa Global 2020, sebanyak 53.6 juta tan metrik sisa peranti elektrik dan elektronik dihasilkan di seluruh dunia pada 2019.

Menyedari hal itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS), agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air mengambil inisiatif menetapkan hari Sabtu terakhir setiap bulan sebagai Hari Pungutan E-Sisa.

Ketua Pengarah JAS, Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, inisiatif yang bermula Januari lalu itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan pengurusan e-sisa secara mesra alam dan lestari.

Menurutnya, sasaran pengumpulan e-sisa bagi tahun ini adalah sebanyak 800 tan metrik.

"Sasaran itu ditetapkan bagi mengukur tahap penglibatan orang awam dan keberhasilan program-program kesedaran yang dilaksanakan.

"Pelbagai kempen dan program pengumpulan e-sisa telah dilaksanakan bermula awal tahun sehingga hari ini. Namun begitu, pandemik Covid-19 sedikit sebanyak menjejaskan pergerakan orang awam untuk menghantar e-sisa sendiri ke pusat pengumpulan," katanya.

Namun begitu, inisiatif yang dilaksanakan itu tetap mendapat sambutan daripada orang awam.

Pihak JAS sendiri berjaya melepasi sasaran ditetapkan tahun ini dengan berjaya mengumpul sebanyak 2,283.7 tan metrik e-sisa.

Pencapaian itu kejayaan terbesar dilakar sejak kempen pengurusan e-sisa diadakan pada 2014.

Dalam pada itu, Wan Abdul Latiff menjelaskan, inisiatif proaktif yang dilaksanakan itu bagi memastikan e-sisa dapat diuruskan dengan kaedah tidak mencemarkan alam sekitar.

"E-sisa ini mengandungi bahan toksik dan berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan manusia, mencemarkan air, udara, tanah dan menipiskan lapisan ozon.

"Sebanyak 178 pusat pengumpulan e-sisa berdaftar diwujudkan di seluruh negara bagi memudahkan orang awam menghantar dan melupuskannya secara mesra alam," terangnya.



WAN ABDUL LATIFF (tengah) melancarkan program kemuncak pengumpulan e-sisa di Kuala Lumpur baru-baru ini.



SEORANG pengunjung menghantar barangan elektronik miliknya untuk dikitar semula.



PEMBUANGAN e-sisa kini menjadi masalah baharu di peringkat global.



E-sisa ini mengandungi bahan toksik dan berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan manusia, mencemarkan air, udara, tanah dan menipiskan lapisan ozon."

Tambahnya, pelaksanaan pengumpulan dan penghantaran e-sisa dipermudahkan untuk orang awam dengan adanya aplikasi MyEwaste yang membolehkan orang awam mendapatkan maklumat lanjut mengenai pusat-pusat pengumpulan yang berdaftar dengan JAS.

Selain itu, JAS juga mengalu-alukan kerjasama daripada agensi kerajaan, swasta dan badan korporat serta komuniti untuk turut bersama menjayakan program pengumpulan e-sisa pada hari Sabtu terakhir setiap bulan.

Dalam pada itu, Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, pencemaran e-sisa telah menjadi antara isu utama di peringkat global.

Menurutnya, ia berlaku berikutan aktiviti pelupusan e-sisa yang tidak teratur dan memberi impak kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

"Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan secara purata, sebanyak 7.6 kilogram e-sisa dijana oleh setiap individu pada 2021.

"Ini secara keseluruhannya mencatatkan penjumlahan e-sisa sebanyak 574 juta tan di seluruh dunia.

"Ia amat membimbangkan kerana hanya 17.4 peratus e-sisa dilaporkan dikitar semula atau dilupuskan secara lestari," ulasnya.

Tambahnya, Malaysia juga tidak terkecuali dan trend penghasilan e-sisa di negara ini dijangka mencecah 24.5 juta unit atau bersamaan 284,941.2 tan metrik menjelang 2025.



KERATAN AKHBAR
8 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	157,000 dos penggalak diberi secara percuma
Muka Surat	:	23

157,000 dos penggalak diberi secara percuma

Penduduk Selangor yang penuh syarat boleh mendapatkan secara hadir terus di klinik Selcare

SHAH ALAM

Sebanyak 157,000 dos penggalak bagi vaksin Covid-19 akan diberikan secara percuma kepada penduduk di Selangor mulai Rabu di bawah Program SelVax Booster, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Menurutnya, penduduk di negeri itu berumur 18 tahun dan ke atas yang telah lengkap menerima dua dos

vaksin boleh mendapatkan dos penggalak dengan hadir terus (*walk-in*) ke klinik Selcare berhampiran.

“Senarai klinik Selcare yang terlibat dalam pelaksanaan program *SelVax Booster* boleh didapati dalam laman sesawang <https://selcareclinic.com/our-clinic/> atau melalui aplikasi SELangkah,” katanya pada sidang akhbar di sini pada Selasa.

Orang ramai bagaimanapun dinasihatkan untuk mendaftar terlebih dahulu melalui aplikasi SELangkah bagi mengelakkan kesesakan



AMIRUDIN

di klinik berkenaan.

Beliau berkata, dos penggalak diberikan adalah jenis Sinovac yang sesuai diterima oleh mana-mana individu yang menerima apa jua jenis vaksin sebelum ini.

“Dos ini untuk memberikan imunisasi yang lebih kepada masyarakat...ke-terbuktian dan keberkesannya mungkin ada kelebihan masing-masing (bagi setiap jenis vaksin) tapi yang nyata Sinovac juga terbukti mampu mengekang risiko yang lebih parah terhadap mereka yang dijangkiti Covid-19,” katanya.

Amirudin berkata, semua maklumat penerimaan vaksinasi dos penggalak melalui program SelVax Booster akan dihantar oleh klinik terlibat melalui aplikasi MySejahtera.

Pada masa yang sama, beliau berkata, program tersebut akan turut dilaksanakan di beberapa lokaliti tertentu berdasarkan permintaan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri di seluruh Selangor.

Selain itu, kerajaan negeri akan turut melanjutkan Program Pengurusan Covid-19 Assessment Centre dan Pemantauan Pesakit Yang Menjalani Kuarantin Kendiri Melalui Aplikasi SELangkah bagi memperkukuh respons terhadap pandemik tersebut. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Isu rumah di Hutan Simpan Bukit Tarek dalam penelitian
Muka Surat	:	24

Isu rumah di Hutan Simpan Bukit Tarek dalam penelitian

SHAH ALAM - Isu rumah kediaman yang didakwa berada dalam Hutan Simpan Bukit Tarek, Hulu Yam, Hulu Selangor masih dalam penelitian lanjut Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian berkata, isu tersebut memerlukan semakan bersama pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Selangor dan Pejabat Tanah dan Daerah yang terlibat.

Menurutnya, maklumat awal dari Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menyatakan kawasan terlibat iaitu Kampung Muhibbah atau dikenali Kampung Melayu Bukit Tarek, mukim Hulu Yam, Hulu Selangor itu telah di-

SIDANG DUN SELANGOR

luluskan pemberimilikan bagi tujuan pertanian melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 9/2004.

“Kawasan ini dikenali sebagai kawasan pertanian Kampung Muhibbah, mukim Hulu Yam yang turut tersenarai dalam Projek Dusun Nuklues Pejabat Pertanian Daerah Hulu Selangor.

“Hasil semakan kini, 227 plot telah didaftarkan hak milik dan lebih kurang 33 plot sahaja yang terdapat bangunan separa kekal atau kekal.

“Keseluruhan keluasan kawasan ini adalah seluas 259.434 hektar yang meliputi 228 plot pertanian,” katanya pada sesi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke -14 di sini pada Selasa.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 December 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Dos Penggalak Diberi Percuma Di Klinik Selcare Mulai Esok
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

7 December 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Dos Penggalak Vaksin Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

7 December 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Persidangan Dun Selangor Ini Diberitahu Seramai 55 Pelajar Di Negeri Itu
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 December 2021

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 December 2021

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Lulus Had Umur Calon Adun Kepada 18 Tahun
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 December 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Selangor Laksana Pemberian 157,000 Dos Penggalak Secara Percuma Mulai Rabu
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 December 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	2

COUNCIL MATTERS

> Kuala Lumpur City Hall has set up a WhatsApp line for emergencies like fallen trees, oil spills on public roads, snake intrusions and bees' nest removals. Send pictures and location of complaint to 011-6539 9004.

> Subang Jaya City Council (MBSJ) has opened two mobile counters for the renewal of food court, night, morning and wet market business licences for 2022. The one at USJ 7 multipurpose hall will be open until Dec 13 while the one at MBSJ Stadium in Serdang Jaya in Seri Kembangan will open from Dec 16 to 24.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	All set for 'polluter pays' principle
Muka Surat	:	4



JADE CHAN and SHALINI RAVINDRAN at SELANGOR STATE ASSEMBLY

All set for 'polluter pays' principle

Measures to address river pollution slated for implementation next year

THE state government, through the Selangor Water Management Authority (LUAS), is looking at implementing a "polluter pays" principle (PPP) next year as an enforcement measure against culprits polluting water sources.

"LUAS is in the midst of fine-tuning the details as there are some rules in the related enactment that need to be corrected before the PPP can be implemented.

"We are confident that the PPP can be implemented next year," said Selangor infrastructure and public amenities, agriculture modernisation and agro-based industry committee chairman Izham Hashim.

He was answering a supplementary question by Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Sijangkang) on the state government's plans to have PPP, zero discharge or other initiatives to reduce water and river pollution in Selangor.

The Grantham Research Institute on Climate Change and the Environment explains PPP as "the commonly accepted practice that those who produce pollution should bear the costs of managing it to prevent damage to human health or the environment".

To Ahmad Yunus' earlier ques-

tion on the Sungai Rasau Water Treatment Plant's (WTP) status, Izham said the project was aimed at strengthening water supply in Selangor, especially in the Klang district.

"When it is fully completed, it will have a water production capacity of 1,400 MLD (million litres per day)," said Izham.

"As of Nov 10, tenders for phase one of the Sungai Rasau WTP are closed and being evaluated.

"Construction work is expected to begin in the first quarter of 2022 and phase one is expected to be completed by Dec 31, 2024.

"Besides constructing a WTP, source work also needs to be done at the water inlet (*muka sauk*).

"This will require the Federal Government's cooperation and is at discussion stage."

Saari Sungib (PH-Hulu Kelang) and Dr Idris Ahmad (PH-Ijok) also asked if the state government had considered tapping into other options such as underground water and rainwater as alternative sources.

"These alternative water sources were considered but deemed not necessary for now," said Izham.

"An audit was done on underground water sources, but the



Izham: Selangor is confident of implementing the PPP next year.

problem is a lack of suitable space to expand it on a large scale.

"Even if it were to be used, the pump capacity is only one MLD, which is not enough for Selangor."

On using rainwater or greywater, Izham said such water was acidic and unsuitable for drinking. "A key problem is construction of infrastructure to channel greywater.

"It requires a secondary piping system as the existing piping system cannot be used," he said.

"I have discussed with the state exco members for local councils and housing on introducing rainwater harvesting at certain housing projects, but this requires further considerations due to the extra costs needed for the piping system."



Selangor Drainage and Irrigation Department contract workers removing dead fish from Sungai Damansara in Shah Alam. The incident in June raised concerns on river pollution. — Filepic



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Idle, reserve land to be farmed to address food security
Muka Surat	:	4

Idle, reserve land to be farmed to address food security

SELANGOR plans to address food security in the state by turning idle land into high yielding farms.

State infrastructure and public amenities, agriculture modernisation and agro-based industry committee chairman Izhah Hashim said Selangor was working with government-linked companies (GLC) and state agencies to make use of their land banks for agricultural projects.

"We are discussing with GLCs and agencies on idle land which had not been earmarked for development for at least the next 10 years.

"Land measuring less than 40ha can be developed into Smart Selangor Agro Farm (SSAF), while

larger ones are suitable for Smart Selangor Agro Park (SSAP) projects," he said during the state assembly sitting at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam yesterday.

In reply to a question by Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Sijangang), Izhah added that to date, the state had identified a 48ha site in Sungai Air Tawar and 22ha site in Sungai Panjang, Sabak Bernam, that were expected to start operations next year, to address food security.

High value crops such as MD2 pineapple, roselle, melon and corn are among those identified to be grown on these sites.

"The state is in the process of gazetting these sites as agricultural

land, including an area in Bukit Changgang which has 30 participants on site now.

"We also have mentors to help guide those keen to venture into this area.

"We are encouraging young agropreneurs to get involved too," he said.

Izhah said 11 permanent food production parks, totalling 1,300ha in Selangor, could generate RM38mil in production value a year.

"These plans and policies are aimed at reducing the state's dependence on fresh agricultural imports and creating more new agropreneurs, while enhancing skills and capabilities of existing

agropreneurs," he said.

Izhah said besides this, Selangor was looking at putting river and Tenaga Nasional Bhd reserve land to good use in urban or highly populated areas.

He also announced that each assemblyman would be allocated one tonne of organic fertiliser to be distributed to urban farms and community gardens within their constituencies.

